

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40

**NOTIS DENGAN INI DIBERIKAN BAHAWA** Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-40 Bursa Malaysia Berhad (“Syarikat”) akan diadakan di Ballroom 2, Tingkat 1, Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Rabu, 29 Mac 2017 pada jam 10.00 pagi untuk pelaksanaan urusan-urusan berikut:

## URUSAN BIASA

- |   |   |   |
|---|---|---|
| 1.  | Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya.  | <b>Resolusi 1</b>   |
| 2.  | Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 17 sen sesaham di bawah sistem satu peringkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.   |   |
| 3.  | Untuk melantik semula para Pengarah berikut yang akan bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 69 Tataurus Syarikat dan kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:<br><br>(1) Datuk Chay Wai Leong<br>(2) Encik Ghazali bin Haji Darman<br>(3) Datuk Seri Tajuddin bin Atan | <b>Resolusi 2</b><br><b>Resolusi 3</b><br><b>Resolusi 4</b> |
| <p>Dato’ Saiful Bahri bin Zainuddin bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 69 Tataurus Syarikat pada penutup AGM ke-40 ini. (Sila rujuk Nota 10)</p> |   |   |
| 4.  | Untuk melantik semula Datin Grace Yeoh Cheng Geok yang akan bersara selaras dengan Artikel 76 Tataurus Syarikat dan kerana layak, telah menawarkan diri beliau untuk dilantik semula.   | <b>Resolusi 5</b>   |
| 5.  | Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah berjumlah RM150,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM100,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.   | <b>Resolusi 6</b>   |
| 6.  | Untuk meluluskan pembayaran imbuhan para Pengarah (tidak termasuk yuran para Pengarah) bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan para Pengarah Bukan Eksekutif berjumlah RM2,343,750 bermula 1 Januari 2017 sehingga AGM Syarikat yang seterusnya.   | <b>Resolusi 7</b>   |
| 7.  | Untuk melantik Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menentukan imbuhan mereka.  | <b>Resolusi 8</b>   |
| 8.  | Untuk melaksanakan sebarang urusan lain yang mana notis akan diberikan selaras dengan Akta Syarikat 2016 dan Tataurus Syarikat.   |   |

**NOTIS LANJUT DENGAN INI DIBERIKAN BAHAWA** bagi tujuan menentukan ahli yang layak menghadiri AGM ke-40 ini, Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd sejajar dengan Artikel 49A(2) Tataurus Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung setakat 22 Mac 2017. Hanya pendeposit yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit setakat 22 Mac 2017 layak menghadiri mesyuarat tersebut atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihak beliau.

## NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

**NOTIS JUGA DENGAN INI DIBERIKAN BAHAWA** tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham bagi pembayaran dividen akhir berjumlah 17 sen sesaham di bawah sistem satu peringkat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 (Dividen) di bawah Resolusi 1 pada AGM Syarikat yang ke-40, Dividen akan dibayar kepada para pemegang saham pada 18 April 2017. Tarikh kelayakan bagi Dividen tersebut adalah pada 5 April 2017.

Para pemegang saham Syarikat hanya akan layak menerima Dividen bagi:

- sekuriti yang dipindahkan ke dalam akaun sekuriti mereka sebelum jam 4.00 petang pada 5 April 2017 bagi pemindahan; dan
- sekuriti yang dibeli dari Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar kelayakan menurut Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

## MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Yong Hazadurah binti Md. Hashim, LS 006674

Hong Soo Yong, MAICSA 7026744

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

1 Mac 2017